

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MENYAMBUT PERAYAAN JUBLI PERAK KE-
SATUAN PEKERJA-PEKERJA PEJABAT POS DI
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA PADA 16HB
NOVEMBER, 1974

Tuan Pengerusi, Saudara Presiden, Kesatuan Pekerja-pekerja
Pejabat Pos, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira kerana dapat hadir bersama-sama pada
perayaan Jubli Perak Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos hari
ini. Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah
di atas kejayaan yang dicapai oleh Kesatuan ini selama dua
puluh lima tahun wujudnya memberikan khidmat cemerlang
memperjuangkan kepentingan ahli-ahli kesatuan dalam berbagai
lapangan terutama mengenai keadaan bekerja dan tangga gaji
yang saksama. Kesatuan ini adalah antara Kesatuan Sekerja
yang telah lama tertubuh di negara ini dan saya yakin dengan
pengalaman selama dua puluh lima tahun itu, Kesatuan ini akan
terus memainkan peranan yang lebih bermakna serta mengambil
bahagian sepenuhnya di dalam usaha-usaha pembangunan negara.

Seperti dimaklum, Perkhidmatan Pos merupakan infrastructure
yang penting untuk kemajuan ekonomi dan sosial serta perpaduan
negara; terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, per-
khidmatan pos menjadi salah satu daripada alat perhubungan
yang terpenting untuk penduduk-penduduk daerah yang terpencil
antara sesama rakyat dan antara rakyat dengan Kerajaan. Aliran
perhubungan perdagangan menerusi pos masih merupakan satu
aspek yang penting meskipun sudah terdapat kemudahan-
kemudahan cepat menerusi talipon dan telex hari ini. Begitu
juga dengan kemudahan penyampaian maklumat menerusi pos
di antara orang perseorangan, di antara orang perseorangan
dengan institusi atau organisasi swasta dan Kerajaan dan di antara
Kerajaan di semua peringkat dengan organisasi serta orang
perseorangan di seluruh negara. Jadi nyatalah perkhidmatan pos
di samping lain-lain usaha Kerajaan, memainkan peranan yang
penting dan mustahak untuk memajukan kehidupan rakyat di
negara ini seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini perkhidmatan pos sedang berkembang pesat menjadi asas kehidupan ekonomi dan sosial sebagai alat perantaraan yang tidak boleh tidak di antara rakyat dan masyarakat sekitarnya. Bahkan corak kehidupan rakyat yang beraneka ragam itu dan kemajuan pesat turut mempengaruhi aktiviti perkhidmatan pos serta cara perkhidmatan ini dijalankan akan mempengaruhi pula pembangunan ekonomi dan sosial yang membawa kepada perpaduan masyarakat.

Dalam tahun-tahun sejak merdeka, kita telah mengambil langkah-langkah tegas untuk meninggikan mutu perkhidmatan pos diseluruh negara. Sebagai bandingan, dalam tahun 1957 kita hanya mempunyai 201 pejabat pos, tiga pejabat pos bergerak dan 238 wakil-wakil pos di seluruh negara. Hari ini kita mempunyai sebanyak 362 buah pejabat pos diseluruh negara. Bangunan pejabat pos yang lama telah diganti dengan bangunan baru yang lebih besar dan moden. Rakyat luar bandar terutamanya patut berbangga dengan perkembangan dan kemajuan pejabat pos bergerak yang tidak ada selama ini. Begitu juga mengenai penyerahan atau delivery, sudahpun terdapat perubahan besar iaitu posmen bermotor telah menggantikan posmen berbasikal seperti ditahun-tahun lima puluhan dulu.

Saya diberitahu juga peredaran mel di dalam dan di luar negeri telah dipercepatkan dengan berkesan sekali. Masa yang diambil untuk pengangkutan mel di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang menjadi sungutan selama ini telah disingkatkan dengan menggunakan pengangkutan udara. Saya sukacita kerana perkhidmatan pos menggunakan sepenuhnya perkhidmatan MAS terutama di pendalaman Sabah dan Sarawak, dan ini boleh diperluaskan apabila network air service di Semenanjung Malaysia menghubungkan bandar-bandar kecil sedia kelak. Saya diberitahu juga perkhidmatan pos telah mula menggunakan kemudahan Kontena bagi bungkusan mel untuk seberang laut.

Seterusnya kita boleh berbangga pula kerana mendapat penghormatan menjadi ahli Executive Council Universal Postal Union, iaitu salah satu agensi Bangsa-bangsa Bersatu.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang pada perkembangan pesat dan kemajuan selama ini, nyatalah bahawa kakitangan perkhidmatan pos telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang dan telah dapat memenuhi kehendak-kehendak orang ramai. Bagaimanapun, saya sedar adanya sungutan sebilangan orang ramai mengenai kejadian kehilangan surat atau kelewatan delivery dalam urusan sehari-hari. Dalam hal ini, saya suka memuji perkhidmatan pos kerana sentiasa memberi perhatian kepada "letters to the Editor" dalam surat-surat khabar dan saya suka Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga bertindak segera seperti itu. Sebenarnya jumlah kejadian kehilangan yang berlaku dikaunter-kaunter pejabat pos sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah wang yang dikendalikan. Ini dengan sendirinya mencerminkan kakitangan perkhidmatan pos menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan cermat.

Saya gembira juga melihat perkhidmatan pos mencatatkan kejayaan di dalam pelaksanaan projek-projeknya di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1972 dan 1973 Jabatan Pos telah menggunakan sepenuhnya peruntukannya dan peruntukan tambahan telah diberikan oleh kerana penggunaan yang lebih dari matalamat kewangan yang asal. Dari segi pelaksanaan fizikal, matalamat tersebut serta kejayaannya tentu boleh dibanggakan dan patut menjadi contoh kepada Jabatan-jabatan lain.

Sebagai langkah jangka panjang, perkhidmatan pos sedang bergerak ke hadapan menuju matalamat menyediakan sebuah pejabat pos bagi tiap-tiap pekan atau pusat pertumbuhan yang mempunyai penduduk sejumlah 3,000 atau lebih. Di samping itu akan ditubuhkan sebuah wakil pos untuk kampung atau kawasan perumahan yang mempunyai penduduk sejumlah 1,000 atau lebih, ditambah pula dengan lawatan-lawatan Pejabat Pos Bergeraknya. Inilah objektif utama kita yang memakan masa beberapa tahun meliputi beberapa rancangan lima tahun kita. Saya berpuashati kerana perkhidmatan pos sentiasa sedar akan arah yang dituju-nya dan sedang bergerak dengan commitment untuk mencapai objektif ini.

Saudara-saudara sekalian.

Perkhidmatan Pos lebih merupakan suatu perkhidmatan personal dan memerlukan kakitangan yang ramai untuk memberikan khidmatnya kepada orang ramai. Corak perkhidmatan yang

diberikannya memerlukan supaya hal-hal kebajikan dan latihan kakitangan diberi keutamaan di dalam sekim perkhidmatan Jabatan ini. Kerajaan sedar tentang perlunya diberi keutamaan kepada latihan untuk suatu Jabatan yang menyediakan perkhidmatan penting kepada orang ramai yang bergantung kepada kebolehan kakitangannya menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan sempurna. Sebuah institut Latihan Pos telahpun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi memenuhi keperluan latihan untuk semua gred kakitangan. Pembinaan Institut tersebut akan bermula dalam tahun hadapan dan dijangka siap dalam tahun 1976. Di samping latihan-latihan yang bakal diberikan oleh Institut Latihan Pos ini, kakitangan pos akan dihantar juga ke Institusi-institusi Latihan di negara ini seperti INTAN dan Pusat Daya Pengeluaran Negara dan juga untuk mengikuti latihan di negara-negara yang lebih maju.

Saya difahamkan bahawa perkhidmatan pos telah bersedia untuk menggunakan sistem metrik keseluruhannya pada awal tahun 1975. Jabatan ini ialah yang pertama sekali berbuat demikian dan saya harap Jabatan-jabatan lain akan menyusuli langkah ini bagi membolehkan negara kita bertukar sepenuhnya kepada sistem metrik dalam jangka masa sepuluh tahun kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan¹ dalam sidang Dewan Rakyat, Bank Simpanan Pejabat Pos akan menjadi sebuah badan yang dipanggil Bank Simpanan Nasional dan berasing dari Jabatan Pos. Sungguhpun Bank Simpanan Nasional merupakan suatu badan yang berasingan namun perkhidmatan pos akan terus menjalankan urusan-urusan Bank Simpanan disemua pejabat-pejabat Pos bagi pihak Bank Simpanan Nasional. Perkhidmatan pos akan terus memainkan peranannya memberi khidmat Bank Simpanan kepada penduduk-penduduk terutama sekali di luar bandar supaya wang yang berlebihan dapat ditarik dari currency circulation untuk meredakan akibat inflasi. Matakamat dan objektif Bank Simpanan Nasional ialah menggalakkan rakyat menyimpan wang dan membentuk sikap berjimat cermat di kalangan jenerasi-jenerasi muda. Tidak syak lagi langkah yang baru ini akan mendapat sambutan yang sewajarnya.

¹ Y.B. Datuk Hussein Onn.

Saudara-saudara sekalian.

Mengambil sempena hari yang bersejarah ini, saya menyeru ahli-ahli Kesatuan agar mengambil berat kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam masa kita menghadapi masa genting di hadapan. Suka saya mengulangi iaitu Kerajaan sentiasa bersedia menimbangkan sebarang permohonan Kesatuan Sekerja yang munasabah demi menjaga ketenteraman dan kestabilan. Tetapi patutlah diingat permohonan yang disertai dengan tindakan kekerasan untuk menunjukkan kekuatan—flexing your muscle, kata Inggeris—tidak akan dilayani.

Kerajaan tidak gentar menghadapi perbuatan seperti itu dan akan bertindak tegas terhadapnya. Namun saya rasa kakitangan Perkhidmatan Pos akan sentiasa waspada terhadap sebarang hasutan dari luar yang semata-mata bertujuan hendak merumitkan keadaan—cause embarassment to the Government—di sebalik tindakan yang nampaknya wajar itu. Saya percaya dan berharap saudara-saudara akan bekerjasama dengan Kerajaan mengekalkan suasana tenang dan harmoni demi kepentingan saudara-saudara sendiri, rakyat dan negara.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada seluruh anggota Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos yang telah mengaturkan sambutan yang meriah ini dan saya dengan sukacitanya merasmikan Perayaan Jubli Perak Kesatuan ini. Mudah-mudahan Kesatuan ini akan terus maju jaya dan berkhidmat dengan cemerlang pada tahun-tahun akan datang.